

11 MAR 1997

Pemuda-Sosial

PERGERAKAN PEMUDA BN ANJUR SEMINAR TANGANI MASALAH SOSIAL

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Barisan Nasional (BN) buat julung kalinya akan menganjurkan seminar nasional untuk membincang cara menangani masalah sosial di kalangan remaja khususnya pelajar sekolah.

Pengerusi Jawatankuasa Pergerakan Pemuda BN, Datuk Ahmad Zahid Hamidi hari ini berkata keputusan untuk mengadakan seminar pada 20 April itu dicapai pada mesyuarat Pergerakan Pemuda BN di sini petang ini.

Mesyuarat yang dihadiri 45 pemimpin kanan pergerakan pemuda daripada 14 parti komponen BN itu membuat keputusan antara lain menubuhkan sebuah sekretariat tetap Pemuda BN bagi menyelaras segala aktiviti di samping mencapai kata sepakat dalam sebarang keputusan terhadap isu semasa.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat itu, Ahmad Zahid yang juga Ketua Pergerakan Pemuda UMNO berkata, anggota Pergerakan Pemuda BN dalam mesyuarat itu membangkitkan masalah sosial di kalangan pelbagai kaum yang perlu diambil tindakan serta dibendung sebelum menjadi serius.

Katanya, mereka menyokong saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar ada keseragaman dalam dasar dan pelaksanaan.

"Pada hemat mereka jika ada masalah ia tak harus dibawa ke peringkat rumit. Ia dapat diselesaikan dengan syarat ada tindakan susulan," katanya.

Katanya, memandangkan pergerakan Pemuda UMNO mempunyai brigid Putra, anggota pergerakan pemuda BN lain juga mahukan program bersepadu bagi memudahkan mereka melaksanakan disiplin terhadap yang terbabit.

Mengenai sekretariat tetap Pemuda BN, beliau berkata Pengerusi Biro Integrasi dan Perpaduan Nasional Pemuda UMNO, Zulkifli Alwi dilantik setiausaha agung sekretariat sementara penolong setiausaha pemuda UMNO, Saifuddin Nasution Ismail sebagai pengerusi sekretariat.

Sekretariat tetap itu dianggotai semua setiausaha pergerakan pemuda BN dan ia dikehendaki mengadakan mesyuaratnya setiap bulan bagi merangka program atau susulan terhadap sesuatu isu di samping menyelesaikan sebarang percanggahan pendapat.

Difahamkan penubuhan sekretaria itu dibuat ekoran arahan Perdana Menteri agar sesuatu aktiviti dibuat secara bersepadu dan tidak secara ad hoc seperti sekarang.

Beliau juga berkata mesyuarat juga bersetuju agar pergerakan pemuda BN mewujudkan hubungan dan kerjasama dengan pergerakan pemuda parti pemerintah negara-negara ASEAN.

Buat permulaan, usaha sedang dibuat untuk mewujudkan hubungan dengan pergerakan pemuda parti pemerintah Filipina tidak lama lagi, katanya.

Beliau berkata mesyuarat juga bersetuju menganjurkan konvensyen Pemuda BN pada 6 Julai di Sarawak dan perhimpunan Pemuda BN pada 16 Sept di Melaka.

Katanya, Jawatankuasa Pergerakan Pemuda BN turut melantiknya sebagai Pengerusinya. -- BERNAMA

ARA NMO